

▼06/09/16-58MST

▲
CNS7533

R GB 06-09, 00142 BH405

bah

MALAYSIA SEDIA BERI PERLINDUNGAN SEMENTARA PADA RAKYAT BOSNIA

Mahathir - Bosnia' (Dengan Gambar)

KUALA LUMPUR, 6 Sept. (Bernama)-- Malaysia, sedia memberi perlindungan sementara kepada rakyat Bosnia-Herzegovina termasuk kanak-kanak yang ingin tinggal di negara ini, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata rakyat Bosnia akan dibenarkan untuk tinggal di sini sehingga negara mereka aman semula.

+Kita harap rakyat Malaysia beri bantuan kerana sudah tentu apabila ke sini, mereka perlu dibekalkan dengan tempat tinggal dan makanan, + katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang dekat sini sekembalinya daripada menghadiri Persidangan Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-10 di Jakarta yang befakhir hari ini.

Beliau secara berseloroh berkata +Kita sekarangpun menerima orang yang tidak payah cari perlindungan dan jumlah mereka sekarang pun ada satu juta.+ -- Lagi

▼06/09/15-11MST

◆

CNS7555

R GB 06-09 00120 BH411

bah

Mahathir - Bosnia 2 Kuala Lumpur

Beliau nampaknya merujuk kepada pekerja asing yang diambil bekerja dalam industri perladangan dan pembinaan serta menjadi pembantu rumah.

Dr Mahathir berharap rakyat Malaysia yang bersimpati dengan penderitaan rakyat Bosnia tampil memberi bantuan tempat tinggal, atau makanan untuk mereka meneruskan hidup di sini.

Ditanya mengenai hasrat beberapa pihak tertentu untuk pergi ke Bosnia bagi mempertahankan nyawa rakyat di sana, Dr Mahathir berkata: +Kalau mereka nak pergi, kita tidak boleh tahan mereka. +

Tetapi, katanya, jika mereka pula jadi mangsa di negara itu kelak; pihak lain akan menyoal balik kerajaan kenapa ia tidak campur tangan sejak awal lagi (untuk menghalang mereka daripada pergi).-- Lagi

▼06/09/16-12MST

CNS7565.

R GB 06-09 00155 BH412

bah

Mahathir - Bosnia 3 Kuala Lumpur

+Saya fikir tindakan mereka adalah sesuatu yang lebih bercorak semangat daripada kebolehan,+ kata Dr Mahathir.

+Kalau hendak berperang dengan puak Serbia, kita mesti terlebih dahulu terlatih dalam soal peperangan. Kalau hendak tentang (tentara Serbia yang melakukan kekejaman di Bosnia), jadilah askar dulu yang terlatih dan baru tolong,+ katanya lagi.

+Hendak pergi dengan tangan yang kosong sahaja (akhirnya) cuma jadi mangsa ...buat apa. Semangat itu bagus tapi semangat itu tiada kemampuan,+ katanya.

Ditanya mengenai tindakan sekumpulan 2,000 orang dipercayai penuntut universiti dan anggota -PAS yang mengadakan demonstrasi secara aman di Dataran Merdeka pagi ini bagi mengutuk kekejaman Serbia ke atas Bosnia, Perdana Menteri berkata : +Saya tidak tahu sama ada rally mereka untuk orang Bosnia atau untuk politik mereka.+

Katanya demonstrasi sedemikian yang dianjurkan oleh PAS dan juga Semangat 46 adalah hanya untuk mencari kepentingan politik. -- Lagi

▼06/09/16-31MST

CNS7582

R GB 06-09 00149 BH413

bah

Mahathir - Bosnia 4 Kuala Lumpur

+Bahawa ramai orang Bosnia mati adalah semata-mata peluang untuk mereka mencari sokongan politik,+ kata Perdana Menteri sambil menambah, cara kerajaan sebaliknya bukan begitu kerana yang diutamakan ialah pemberian bantuan.

Beliau mengulangi baliwa jika Pertubuhan Persidangan Negara-Negara Islam (OIC) sanggup menghantar askar-askar mereka ke Bosnia untuk melindungi serta mempertahankan hak dan harta benda rakyat di sana, Malaysia juga akan berbuat demikian..

Dr Mahathir berkata beliau amat kagum dengan bantuan kewangan yang dihulurkan oleh rakyat Malaysia kepada rakyat Bosnia (melalui Tabung 'Bosnia anjuran Utusan Malaysia).

+Saya akan bangkitkan ini pada mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) UMNO esok dengan harapan UMNO pun kalau boleh, hulur derma setakat yang kita mampu,+ kata beliau.

Katanya beliau juga akan memberi taklimat kepada anggota-anggota MT mengenai keputusan-keputusan yang dicapai serta pengalaman beliau di Sidang Kemuncak NAM. -- Lagi

▼06/09/17-00MST

CNS7583

R GB 06-09 00146 BH414

bah

Mahathir Bosnia 5 (Akhir) Kuala Lumpur

'Mengenai NAM, Perdana Menteri berkata minat untuk menyertai pergerakan itu semakin bertambah, walaupun pada mulanya anggota-anggotanya berpendapat bahawa pergerakan itu tidak berkepentingan lagi kerana tiada perbalahan antara Barat dan Timur dan peranan +berkecuali+ di kalangan negara-negara di dunia sudah tiada lagi.

Katanyasidang NAM jugatelah memberi peluang kepada negara-negara Selatan untuk menyuarakan pandangan mereka tentang aliran politik dan ekonomi dunia serta selain masalah Bosnia, keadaan di Somalia turut dibangkitkan.

Katanyalagi, Biro Politik NAM akan mengeluarkan satu kenyataan berkenaan beberapa perkara politik, termasuk kekejaman tentera Serbia terhadap rakyat Bosnia.

Sementara itu, Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Megat Junid Megat Ayub yang turut berada di lapangan terbang berkata pelawaan Malaysia untuk memberikan perlindungan sementara kepada rakyat Bosnia itu adalah yang pertama dibuat dalam sejarah negara. -- Bernama